

WAKAF TERAS PEMBANGUNAN UMMAHATUL WAHIDAH

Ismail Lutfi bin Chapakia
¹(Universiti Fatoni, Thailand)

Pendahuluan

Wakaf, di segi bahasa, berasal dari perkataan Arab yang bererti mengurung atau menahan.¹Wakaf, di segi syara', ialah menahankan asal sesuatu dari jual beli dan milik pusaka serta memajukannya dan membelanja hasilnya pada jalan kebajikan². Bertujuan untuk *taqarrub* kepada Allah dan mendapat pahala hanya dari Allah.

Dari pengertian wakaf di segi syara' itu nyatalah bahawa Islam menggalakkan supaya umatnya berusaha mendatangkan hasilnya (*samarah* atau manfaat) dari harta wakaf, bukan dibiarkan begitu sahaja tanpa adanya hasilan yang dapat dibelanjakan atau digunakan.

Wakaf ialah istilah khas bagi Islam yang belum diguna pakai oleh umat sebelumnya, walaupun kenyataan zahir umat dahulu hampir sama dengan kenyataan wakaf di dalam Islam³. Ia adalah sebahagian daripada sedekah yang digalakkan oleh Islam supaya diamalkan oleh umatnya kerana Allah, demi dijadikan sumber hasilan yang tetap, kekal dan berkah dalam membiayai satu-satu rancangan kebajikan dalam masyarakat seperti membina masjid atau sekolah/jamiah dan menjalankan kegiatannya, bantuan pelajar, anak cucu, kaum kerabat, anak yatim, fakir, miskin atau keperluan binatang-binatang seperti burung dan sebagainya dalam erti kata pembangunan *ummah wahidah*.

Disyara'kan Wakaf

Disyara'kan wakaf oleh Al-Quran, sunnah dan ijma'.

1. Al-Quran : Firman Allah

﴿أَمْ لَمْ يَلْمِزْكَ أَهْلُهَا﴾⁴

Maksudnya : "Engkau tidak mencapai akan kebaikan sehingga engkau menginfakkan atau membelanjakan sebahagian daripada perkara yang engkau sayang."

Setelah diturunkan ayat tersebut, datanglah kepada Rasulullah (Saw.) seorang sahabat yang bernama Abu Thalhah iaitu tuan punya sebuah kebun tamar yang terletak di kawasan yang berhampiran dengan Masjid Nabawi. Ia terus berkata: "Wahai Rasulullah (Saw.)! Sesungguhnya Allah berfirman:

Maksudnya : "Engkau tidak mencapai akan kebaikan sehingga engkau menginfakkan atau membelanjakan sebahagian daripada perkara yang engkau sayang."

Dan sesungguhnya harta benda yang paling disayangi oleh aku ialah kebun *bairuha* (بَيْرُحَاءَ) ((وَأَيُّهَا صَدَقَةٌ))
(فَضَّلَهَا يَا رَسُولَ اللَّهِ حَيْثُ أَرَاكَ اللَّهُ) yakni: "Dan sesungguhnya aku jadikan kebunku *bairuha* (بَيْرُحَاءَ) itu sedekah untuk Allah (sedekah jariyah) aku mengharapkan kebaikannya dan simpanan pahala di sisi Allah.

((فَضَّلَهَا يَا رَسُولَ اللَّهِ حَيْثُ أَرَاكَ اللَّهُ)) Maka, jadikanlah kebun ini di tempat mana yang Allah tunjukkan kepadamu. Lalu, Rasulullah (Saw.):

¹ Tahzib Al-lughah 9/333, Lisan Al-Arab 9/359

² Ibn Qudamah, al-Mughnee. Al-Nawawi, Al- Majmu' 8/184 ,

³ Al-Sya fi-i, al-Umm 4/72 , Hasyiat Al-Syarwani 'ala tuhfat Al-muhtaj 6/236 . Ibn 'Abidin, Hasyiat raddul Al-Mukhtar/4 337. Matholib Ulinnuha 4/270

⁴ Ali Imron, 3 : 92

((يَخُ، ذَلِكَ مَالٌ رَابِحٌ، ذَلِكَ مَالٌ رَابِحٌ. وَقَدْ سَمِعْتُ وَأَنَا أَرَى أَنْ تُجْعَلَهَا فِي الْأَقْرَبِينَ))

Maksudnya : “Baiklah, itulah harta benda yang beruntung, itulah harta benda yang beruntung. Dan sesungguhnya aku telah mendengar lafaz wakaf kamu itu wahai Abu Thalhah. Dan sesungguhnya aku nampak engkau jadikannya (esebagai wakaf *durri* atau *ahli*) untuk fakir miskin dari kaum kerabatmu. Lalu, Abu Thalhah berkata : Aku lakukan ya Rasulullah (Saw.). Maka, beliau membahagikan kebun itu di kalangan kaum kerabatnya dan para sepupunya, di antaranya ialah Hasan bin Tsabit dan Ubay bin Ka’ab⁵ sebagai harta wakaf untuk mereka⁶.

Dari hadits itu didapati beberapa pengajaran, di antaranya:

- 1) Kesan ajaran Al-Quran dalam mendidik para sahabat – di zaman Rasulullah (Saw.) adalah jelas dan menyeluruh, sama ada lelaki mahupun perempuan dan sama ada peribadi, keluarga, masyarakat, dan negara, sehingga pekerja-pekerja kebun dan gembala-gembala binatang ternakan. Masya Allah! Itulah masyarakat Muhammad (Saw.) dalam menerima ajaran Al-Quran sebagai cara hidup dalam semua lapangan.
- 2) Sedekah yang dimaksudkan dalam hadits ini ialah sedekah jariyah, yakni wakaf. Kerana itulah ia kata untuk meneruskan sedekah itu secara wakaf kerana wakaf sebaik-baik sedekah. Wallahu a’lam.
- 3) Amat besar pengorbanan infak di kalangan para sahabat – kerana besarnya iman mereka.
- 4) Harta benda yang diwakaf itu adalah harta benda yang beruntung, di mana Nabi (Saw.) bersabda : ((ذَلِكَ))
((مَالٌ رَابِحٌ.
- 5) Harta benda wakaf untuk kaum kerabat yang mewakafkan, terutama yang miskin (yakni wakaf ahli) adalah lebih diutamakan daripada yang lain. Kerana itulah, Rasulullah (Saw.) mengarahkan Abu Thalhah supaya berbuat demikian.
- 6) Wakaf adalah terhenti kepada lafaz dan niat seperti : ((إِنَّهَا صَدَقَةٌ لِلَّهِ)) Maksudnya : “Sesungguhnya kebun aku itu adalah sedekah (جارية) kerana Allah.”

2. As-Sunnah

Sabda Rasulullah (Saw.) :

((إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ: صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ))⁷

(1) Maksudnya : Apabila seseorang manusia mati, terputuslah amalannya kecuali pada tiga perkara, kecuali

- 1) Sedekah jariyah, iaitu wakaf,
- 2) Atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya,
- 3) Atau anak shalih yang berdoa baginya.

Berkata An-Nawawi; Berkata para ulama : makna hadits ini ialah bahawa sesungguhnya amal seseorang yang mati itu terputus pahalanya dengan sebab matinya, kecuali pada tiga perkara ini. Kerana ia adalah sebab baginya, maka sesungguhnya anak adalah hasil usahanya, demikian juga ilmu yang ia mengajarkannya atau mengarang kitabnya, begitu pula sedekah jariyah iaitu wakaf daripada hartanya. Itulah dalil bagi sah asal wakaf dan baginya pahala yang besar⁸.

Dari hadits ini dapat disodot (diambil) beberapa pengajaran; di antaranya:

⁵ Al-Bukhari, Al-Shohih 5/ 4555. Al-Asqolani, Fathul baari 5/ 380 ‘8/224

⁶ Al-Bukhari, Al-Shohih no. 1461. Muslim, Al-Shohih no. 998.

⁷ Muslim, Al-Shohih no. 4199.

⁸ Al-Nawawi, Syarhun nawawi ‘ala al- Muslim, 85/11

- 1- Islam menggalakkan supaya manusia selalu beramal dengan amalan yang memberi manfaat kepada dirinya dan masyarakatnya sama ada semasa hidupnya mahupun setelah wafatnya.
- 2- Islam menggalakkan umatnya supaya berusaha mengerjakan tiga perkara yang manfaatnya berkekalan setelah wafatnya, yaitu :
 - (a) Sedekah jariyah iaitu mengadakan wakaf akan sebahagian daripada harta bendanya pada jalan Allah yang berpanjangan manfaatnya, sama ada dalam bentuk pahala kepadanya sehingga di dalam alam barzakh dan akhirat kelak. Mahupun dalam bentuk manfaat hasilan wakaf untuk pihak yang dibelanjakan uang wakaf itu kepadanya. Sabda Rasulullah (Saw.) : **<خَيْرُ النَّاسِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ>**⁹
Maksudnya : Sebaik-baik manusia ialah orang-orang yang paling banyak memberi manfaat kepada manusia.
 - (b) Menyebar ilmu yang bermanfaat yang dapat dimanfaatkan oleh yang lain, sama ada dalam bentuk pengajaran lisan mahupun karanga kitab-kitab.
 - (c) Mendidikkan anak-anak supaya menjadi shalaih yang selalu berdoa kepada dua ibu bapanya dan kepada yang lain.

Itulah tiga sumber kekuatan dalam pembangunan *ummah wahidah*, iaitu :

- 1) Kekuatan harta benda yang berkah dan kekal.
- 2) Kekuatan ilmu yang manfaat dan dimanfaatkan terus-menerus.
- 3) Kekuatan manusia yang shalih yang kuat berhubung dengan Allah, sama ada dalam bentuk doa, ibadah dan dakwah yang manfaatnya bukan sahaja untuk dirinya, tetapi untuk manusia, terutama untuk ibu bapanya dan negaranya.

Itulah tiga teras *ummah wahidah*, mana-mana satu daripada teras itu kurang kualiti, maka kurangnya kualiti *ummah wahidah*. Dan ingatlah bahawa ketiga-tiga teras itu adanya hubung kait dan bantu-membantu, iaitu kekuatan harta wakaf sering melahirkan ilmu yang bermanfaat. Dan ilmu yang manfaat sering melahirkan anak yang shalih yang selalu berdoa dan berkhidmat dan anak yang shalih pula sering melahirkan harta wakaf. Dan begitulah seterusnya.

Oleh itu, berkewajipan ke atas setiap Muslim/Muslimah dan Mukmin/Mukminah berusaha sedaya upaya menegakkan tiga tiang itu dengan sekuat mungkin, yang dengan itulah tertegaknya *ummah wahidah* yang selaku *khairun ummah*, iaitu sebaik baik umat yang dikeluarkan untuk maslahat manusia dan menyebarkan rahmat Al-Islam kepada seluruh alam, yang membawa alam ini aman damai dan makmur.

Ringkasnya : Setiap Muslim/Muslimah dikehendaki supaya memberi dan menerima saham dalam pembangunan *ummah wahidah*, sama ada saham harta benda yang berkah secara wakaf, saham ilmu pengetahuan yang manfaat dan saham insan shalih yang berkhidmat, sama ada sewaktu hidupnya mahupun semasa wafatnya, sama ada saham dalam bentuk kemajuan di dunia mahupun saham dalam bentuk pahala dan derajat yang tinggi di akhirat kelak. Itulah kehebatan Islam dalam kehidupan penganutnya di dunia dan akhirat.

عن ابن عمر رضي الله عنهما: أن عمر بن الخطاب أصاب أرضًا بخيبر، فأتى النبي ﷺ يستأمره فيها، فقال: يا رسول الله، إني أصبت أرضًا بخيبر لم أصب (2) مالا قط أنفس عندي منه، فما تأمر به؟ قال: «إن شئت حبست أصلها، وتصدقت بها». قال: فتصدق بها عمر، أنه لا يباع ولا يوهب ولا يورث، وتصدق بها في الفقراء، وفي القرى وفي الرقاب، وفي سبيل الله، وابن السبيل، والضيقة لا جناح على من وليها أن يأكل منها بالمعروف، ويطعم غير متمول¹⁰

Maksudnya : Seungguhnya Umar bin Khattab ra. Mendapat sebidang tanah yang bernilai di kawasan Khaibar, maka beliau datang mesyuarat dengan Rasulullah (Saw.) mengenai tanah itu. Beliau berkata : “Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku telah dapat sebidang tanah di kawasan khaibar di mana sebelum ini aku tidak pernah memiliki tanah yang lebih baik daripadanya, maka apakah pendapatmu mengenainya?” Baginda (Saw.) : “Kalau kamu setuju, engkau tahankan asal tanah itu (tidak dijual) dan engkau sedekahkan hasilnya.” Berkata Ibnu Umar : “Maka Umar pun wakafkan tanah itu di mana tidak dijual, tidak dihibah dan tidak dipusakai, bahkan disedekah kepada para fakir miskin, kaum kerabat, orang yang meminta merdeka dari tuannya dengan

⁹ Atthobarani, fi al-Ausath no. 426

¹⁰ Al-Bukhari, Al-Shohih no. 2737. Muslim, al-Shohih no. 1632.

bayaran, urusan pada jalan Allah, orang-orang musafir dan tetamu-tetamu. Serta tidak mengapa bagi pengurus wakaf itu makan daripadanya dengan cara yang baik dan memberi makan kepada yang lain sekadar keperluan, tidak diambil untuk disimpan”.

Pengajaran daripada hadits tersebut ialah :

- 1) Al-Islam menggalakkan mesyuarat dengan orang-orang yang berilmu dan pengalaman, terutama pemimpin Islam dalam masalah pengurusan harta benda.
- 2) Al-Islam menggalakkan supaya bersedekah dengan perkara yang bernilai tinggi bagi disayangi yang diistilahkan oleh Al-Quran karim dengan “<مِمَّا تُحِبُّونَ>” dan Al-Hadits dengan <أَنْفُسَ>.
- 3) Al-Islam menggalakkan supaya mengadakan rancangan wakaf, iaitu sedekah jariyah.
- 4) Harta benda yang diwakaf tidak boleh dijual, diberi dan dipusakai lagi, tetapi dibelanjakan hasilnya kepada orang-orang yang berhajat seperti fakir miskin, hamba sahaya yang meminta merdeka dengan bayaran dan segala urusan umum pada jalan Allah dan sebagainya.
- 5) Dibenarkan pengurus harta wakaf menerima faedah dengan umpama ia makan harta benda wakaf dengan baik dan berhak membelanjakan hasil wakaf itu sekadar keperluan, bukanlah untuk disimpan, walaupun pengurus itu terdiri daripada tuan wakaf sendiri.¹¹

حديث ابن عباس رضي الله عنهما: أن سعد بن عبادة رضي الله عنهم أبا بني ساعدة توفيت أمه وهو غائب عنها، فأتى النبي ﷺ فقال: يا رسول الله، إن أمي (3) توفيت وأنا غائب عنها، فهل يتفعها شيء إن تصدقت به عنها؟ قال: نعم، فإني أشهدك أن حبيطي المخزاف صدقة عليها¹²

Maksudnya : Ibnu Abbas ra. berkata : “Sa’ad bin Ubadah ra. telah mati oleh ibunya, sedangkan ia tidak berada di sampingnya lalu ia datang berjumpa Nabi (Saw.) sambil berkata: wahai Rasulullah! Sesungguhnya ibuku telah mati dan aku tidak sempat bertemu dengannya. Maka apakah sekiranya aku sedekah akan sesuatu untuknya itu memberi manfaat kepadanya?” Baginda menjawab : ”Ya, memang manfaat kepadanya,” Lalu Sa’ad berkata : Maka sesungguhnya, aku menyatakan kepada engkau sebagai saksi bahawa sesungguhnya kebunku *al-Mikhraf* adalah sedekah untuk ibuku (kerana Allah)”.

Itulah di antara cara dan bentuk wakaf dalam Islam.

3. Ijma’

Berkata Ibnu Qadamah ra. : “Wakaf adalah ijma’ daripada kalangan sahabat kerana sesungguhnya tidak orang-orang yang puasa wakaf daripada kalangan mereka, kecuali ia wakaf”¹³.

Berkata Al-Imam Asy-Syafi’i : “Telah sampai maklumat kepada aku bahawa sesungguhnya lapan puluh orang para sahabat daripada kalangan Anshar telah mengadakan sedekah *muharramah* مُحَرَّمَةٌ atau sedekah jariyah”¹⁴.

Hal itu telah jadi masyhur serta tidak ada seorang pun yang mengikarkannya, maka jadilah ijma’¹⁵.

Awal-awal orang yang wakaf di dalam Al-Islam

Awal-awal orang yang wakaf di dalam Al-Islam ialah Rasulullah (Saw.) di mana baginda mewakafkan tujuh bidang kebun yang dikenali dengan "أَرْضِي مَخْيِرِيْقٍ".¹⁶

¹¹ Al-Asqolani, Fathul bari, 5/403 - 404

¹² Al-Bukhari, Al-Shohih no. 2762

¹³ Ibn Qudamah, Al-Mughni, 6/4

¹⁴ Al-Syarbini, Mughni Al-Muhtaj 2/376

¹⁵ Ibn Qudamah, Al-Mughni, 6/4

Berkata Amru bin Al-Harits ra.: مَا تَرَكَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عِنْدَ مَوْتِهِ بِرَهْمًا وَلَا دِينَارًا وَلَا عَبْدًا وَلَا أَمَةً وَلَا شَيْئًا، إِلَّا بَعَثْتَهُ الْبَيْضَاءَ، وَسِلَاحَهُ وَأَرْضًا جَعَلَهَا صَدَقَةً¹⁷

Maksudnya : Rasulullah (Saw.) tidak tinggal daripada pusaka sewaktu wafatnya akan satu dirham dan tidak satu dinar pun, tidak pula seorang hamba sayaha lelaki atau perempuan dan tidak pula sesuatu perkara pun, kecuali seekor *baghal* yang putih, senjatanya dan bumi yang kesemuanya Baginda menjadikannya wakaf.

Wakaf Para Sahabat

Awal-awal para sahabat yang mewakafkan ialah Umar bin Al-Khattab ra. kemudian disusuli oleh *khulafa ar-rasyidin al-mahdiyyin*, bahkan pada sesetengah riwayat mengatakan bahawa tidak ada para sahabat yang ada keluasan yang tidak mewakafkan hartanya¹⁸.

Bahagian Wakaf

Wakaf ada empat bahagian :

- 1) Wakaf *Zurriyy* وَقَف ذُرِّيَّ (wakaf ahli)
Iaitu wakaf khas untuk anak cucunya dan ahli keluarga. Seperti mana Nabi (Saw.) mengarahkan supaya Abu Thalhab berbuat dengan sabdanya : “Aku nampak bahawa kamu jadikan wakaf kebun *bairuha* ini untuk kaum kerabatmu”.
- 2) Wakaf *Khairiy* وَقَف خَيْرِي
Iaitu wakaf untuk umum perkara kebajikan seperti bangun masjid, sekolah dan jamiah.
- 3) Wakaf *Mustarra* وَقَف مُشْتَرَكْ
Iaitu wakaf yang diumumkan penggunaannya pada dirinya, anak cucunya, kaum kerabatnya dan kebajikan umum atau wakaf *zurriy* (ahli) bersama wakaf *khairiy* pada satu perkara. Atau wakaf pada mulanya untuk dirinya dan anak cucunya kemudian untuk fakir miskin atau sebagainya.
- 4) Wakaf *Irshad* وَقَف إِرْصَادْ
Iaitu wakaf sebahagian daripada harta benda baitul maal bagi sebuah negara atau jamaah dengan perintah sultan atau seumpamanya, supaya digunakan hasilan manfaatnya untuk maslahat umum seperti masjid, sekolah, hospital, anak yatim atau sebagainya¹⁹.

Rukun Wakaf

Wakaf ada empat rukun :

- 1) *Al-Wakif* الْوَاقِفْ
Yakni yang wakaf, iaitu tuan punya harta benda itu dan disyaratkan bahawa ia berakal, baligh, bebas/tidak terpaksa dan ahli yang berhak di segi syara' dan undang-undang dalam membelanjakan harta benda itu.
- 2) *Al-Mauquf* الْمَوْقُوفْ عَلَيْهِ
Yaitu pihak yang diwakafkan harta benda itu untuknya. Dan disyara'kan bahawa pihak itu baik, bukan maksiat, dan bukan haram serta berhak di segi syara' dan undang-undang untuk menerima wakaf itu.
- 3) *Al-Mauqufah* الْمَوْقُوفَةُ
Iaitu harta benda yang diwakaf disyaratkan bahawa adalah harta yang punya nilai yang jelas serta dimiliki oleh yang wakaf.

¹⁶ Al-Syarbini, Mughni Al-Muhtaj 2/376

¹⁷ Al-Bukhari, Al-Shohih no. 2739

¹⁸ Rujuk yang sama

¹⁹ Al-Syarbini, Mughni Al-Muhtaj 2/278. Hasyiah ibn 'abidin 3/355. Al-Muhazzab 2/440. Al-Sayuti, Husnul muhadharah 2/105

Perkara itu ada dua bentuk :

- (a) Perkara yang tetap tidak dipindah seperti tanah dan masjid (*'iqar* عقار atau *ghairul manqul* غير منقول).
 - (b) Perkaran yang boleh dipindah ke sana sini seperti *mishhaq*, buku, kenderaan, alat-alat pengajian dan dakwah dan sebagainya.
- 4) *Lafazh Waqaf* لفظ وقف
- Iaitu lafaz atau perbuatan atau isyarat yang menunjuk di atas wakaf. Seperti “Aku wakaf” atau “Aku sedekah” atau “Aku jadikannya untuk Allah” dan seumpamanya.

Nazhir Waqaf ناظر وقف

Nazhir Waqaf ناظر وقف ialah orang yang menguruskan hal wakaf, sama ada tuan wakaf sendiri atau orang lain yang diserahkan wakaf ini untuknya atau satu-satu badan yang tertentu, sama ada kerajaan mahupun bukan kerajaan²⁰.

Pihak yang melantikkan *Nazhir* ialah tuan wakaf sendiri atau sultan yang berkuasa ke atas wakaf itu. Manakala *Nazhir* pula maka hendaklah terdiri daripada orang-orang yang berakal, baligh serta Muslim sekiranya pihak yang diwakafkan kepadanya itu Islam.

Masalah:

- 1) Sah wakaf daripada orang kafir yang bukan *harbi*, walaupun untuk dibuat masjid, begitu juga sah wakaf untuk orang kafir dalam perkara yang bukan kufur dan bukanpula maksiat. Bahkan, tidaklah disyaratkan kepada orang-orang yang dapat manfaat daripada wakaf itu mestilah orang-orang fakir miskin, kecuali sekiranya yang wakaf itu mensyaratkan demikian²¹.
- 2) Tuan wakaf dapat menerima faedah daripada harta wakafnya sendiri, sama ada atas nama *nazhir*-nya atau atas nama fakir miskin atau atas syarat yang dibuat dari awal wakafnya²².

Cara Mewakafkan Harta Benda

- 1) *Al-Waqif* الواقف
Mengesahkan harta itu adalah milik diri sendiri sebagai milik yang sempurna di segi syariat dan undang-undang.
- 2) Menentukan jenis wakaf
Menentukan jenis-jenis harta dan jumlah atau kadarnya dengan baik serta pihak yang diwakafkan.
- 3) Mesyuarat dengan beberapa pihak yang berkenaan
Anak-isteri, orang yang berpengalaman, orang alim atau pemimpin Islam tentang cara bahagian wakaf dan kadar harta benda serta pihak yang diwakaf itu.
- 4) Ikhlas hati kerana Allah serta melafazkan wakaf
Seperti “Aku wakafkan sebidang tanah ini” atau “ rumahku ini” atau “ binaanku ini atau “telagaku ini” atau “kenderaanku ini” kerana Allah; untuk:
Anak-cucu dan kaum kerabatku, atau
Sabilillah, atau
Fakir miskin, atau
Untuk anak yatim, atau
Untuk perempuan janda, atau
Untuk urusan membina dan kegiatan masjid, sekolah, jamiah atau sebagainya.
- 5) Adakan catatan kenyataan wakaf.

²⁰ Al-Ashqolani, Fathul Al-bari 15/403

²¹ Al-Syarbini, Mughni Al-Muhtaj 2/379

²² Al-Ashqolani, Fathul Al-bari 15/403

Iaitu bahawa diadakan catatan wakaf biar jelas serta ditandatangani dengan baik dan seboleh-bolehnya ada dua orang saksi serta diterima oleh pihak yang diwakafkan untuknya.

- 6) Menentukan *nazhir* ناظر wakaf
Menentukan *nazhir* bagi wakaf yang tertentu dari kalangan orang yang shalih serta berilmu, dengan cara bersurat yang ditandatangani atau diserahkan kepada badan wakaf seperti “*mu’assasah al-waqifu al-Islami* «مؤسسة الوقف الإسلامي»” di Madinatussalam Fatoni atau mana-mana yayasan yang bertanggungjawab dalam mentadbirkan harta wakaf yang terdaftar rasmi dengan pihak undang-undang negara serta diketuai oleh orang yang berilmu dan dipercayai. Kesemuanya itu hendaklah dengan cara bersurat yang ditandatangani.
- 7) Berdoa kepada Allah supaya Allah terima wakaf
Iaitu berdoa kepada Allah supaya wakaf itu diterima sebagai sedekah jariyah yang berkekalan manfaatnya di dunia dan akhirat seperti “رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَثُبِّ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ”.

Kelebihan Wakaf

Tidak syak lagi bahawa wakaf adalah sunah Raulullah (Saw.) dan sunah para shabat – yang punya kelebihan yang amat besar sama ada di dunia apalagi di akhirat kelak. Kerana ia adalah seafdal-afdal sedekah dan setinggi-tinggi derajatnya. Di antara lain ilalah :

قال رسول الله ﷺ : ((إِنَّ مِمَّا يُلْحَقُ الْمُؤْمِنَ مِنْ عَمَلِهِ وَحَسَنَاتِهِ بَعْدَ مَوْتِهِ عِلْمًا عَلَّمَهُ وَنَشَرَهُ، وَوَلَدًا صَالِحًا تَرَكَهُ، ۱) عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ۲۳ وَمُصْحَفًا وَرَثَةً، أَوْ مَسْجِدًا بَنَاهُ، أَوْ بَيْتًا لِابْنِ السَّبِيلِ بَنَاهُ، أَوْ نَهْرًا أَجْرَاهُ، أَوْ صَدَقَةً أَخْرَجَهَا مِنْ مَالِهِ فِي صِحَّتِهِ وَحَيَاتِهِ، يُلْحَقُهُ مِنْ بَعْدِ مَوْتِهِ)) ۲۴

Maksudnya : “Sesungguhnya di antara perkara yang meneruskan pahala orang mukmin daripada amalan dan kebajikannya setelah wafatnya ialah ilmu yang ia mengajarkannya atau menyebarkannya, atau anak shalih yang ia meninggalkannya, mushaf Al-Quran yang ia mempusakainya atau masjid yang ia membinaanya atau rumah tumpangan tetamu *ibnussabil* yang ia membinaanya atau sungai yang ia gali dan mengalirkan air di dalamnya atau sedekah yang ia keluarkannya daripada harta bendanya sewaktu sehatnya dan hidupnya. Kesemuanya dapat menyampaikan pahalanya selepas wafatnya.”

- 2) Daripada Abi Hurairah ra. bahawa sesungguhnya Rasulullah (Saw.) bersabda; maksudnya : “Sesiapa yang mewakafkan kudanya pada jalan Allah hal keadaan beriman dengan Allah dan percaya dengan pahala yang dijanjikan, maka sesungguhnya segala perkara yang dimakan atau diminum oleh kuda oleh tahi dan kencing kuda itu adalah memberatkan neraca timbangannya pada hari akhirat kelak.”²⁴
- 3) Sabda Rasulullah (Saw) : ۲۵ ((دَاوُوا مَرْضَاتِكُمْ بِالصَّدَقَةِ))
Maksudnya : “Perubatlah pesakitmu dengan sedekah (terutama sedekah jariyah).”
- 4) Sabda Rasulullah (Saw.) : ۲۶ ((كُلُّ امْرِئٍ فِي ظِلِّ صَدَقَتِهِ حَتَّى يُفْضَى بَيْنَ النَّاسِ))
Maksudnya : “Tiap-tiap seorang itu berada di bawah bayangan sedekahnya sehingga diselesaikan hukuman di antara semua manusia pada hari akhirat kelak.”
- 5) Harta wakaf adalah sebaik-baik harta bagi tuannya kerana ia adalah sekasih-kasih harta kepadanya yang dapat bersamanya dalam memberi manfaat yang berpanjangan kepadanya di dunia dan akhirat.

Oleh itu, sesiapa yang sayang kepada hartanya, takut terputus hubungan dengannya, maka hendaklah ia wakafkannya kerana Allah (وقف لله) supaya ia terus-menerus bersamanya memberi manfaat sama ada di dunia mahupun di akhirat kelak. Begitu juga mana-mana keluarga yang mengetahui bahawa ayahnya atau ibunya yang telah meninggal dunia yang sewaktu hidupnya mereka sayang kepada mana-mana harta bendanya sama ada perkara itu perkara yang tetap seperti tanah dan binaan atau perkara yang berpindah seperti kenderaan dan alat-alat. Maka, seiya bagi anak-anak mewakafkan perkara itu untuk pahala ibu dan ayahnya terutama sebelum dibahagikan pusaka dan semua anaknya telah baligh belaka dengan persetujuan sekalian anak-anaknya. Kerana

²³ Ibn Majah no 242. Al-Albani, Shohihul Al-Jami’ Asshohhir /2231

²⁴ Al-Bukhari, Al-Shohih no. 2853

²⁵ Al-Thobarani, 1/32- 35. Fi Al-Kabir 10/128. Wal Ausath 2/274

²⁶ Muslim, Al-Shohih no. 4199

ia termasuk dalam maksud ayat(ayat).....²⁷. dan penegasan Nabi (Saw.) kepada Abu Thalhah ra. dan orang-orang yang seumpama Abu Thalhah itu ((بَيْعُ، ذَلِكَ مَالٌ رَابِعٌ، ذَلِكَ مَالٌ رَابِعٌ)). Maksudnya : Baiklah, itulah harta benda yang beruntung, itulah harta benda yang beruntung, siapakah di antara hamba Allah yang tidak suka supaya harta bendanya beruntung ?! Wakafilah ! Wakafilah harta benda kamu niscaya beruntunglah hartamu itu !

- 6) Harta wakaf adalah sebaik-baik harta benda di dunia ini kerana ia adalah daripada Allah kepada hamba-Nya kemudian daripada hamba-Nya kepada Allah (ﷻ) yang mendatangkan berkah manfaatnya yang berpanjangan kepada hamba-Nya dan agama Islam di dunia ini dan pahala yang besar di akhirat kelak.

Jenis-jenis Perkara yang dewakafkan

Di antara jenis-jenis perkara yang diwakafkan ialah :

- 1) Wakaf air, iaitu seafdal-afdal sedekah, di antaranya ialah :
 - 1.1 Telaga Zamzam (Nabi Ismail as. dan ibunya Hajar ra.)
 - 1.2 Telaga Rumah (sayyidina Utsman bin Affan ra. pada zaman Rasulullah Saw.)
 - 1.3 Telaga Zubaidah (Ibnu Ja'far bin Al-Manshur, isteri Khalifah Harun Ar-Rasyid)
 - 1.4 Telaga Al-Masjid Al-Aqsa sebanyak 27 buah.
- 2) Wakaf masjid, di antaranya ialah :
 - 2.1 Masjidil Haram
 - 2.2 Masjid Nabawi
 - 2.3 Masjid Quba
 - 2.4 Masjid lain-lain di dunia
- 3) Wakaf sekolah, pondok dan jamiah, di antaranya ialah :
 - 3.1 Jami'atul Azhar Al-Syarif
 - 3.2 Jami'ah Fatoni (Selatan Thai)
- 4) Wakaf hospital dan klinik, di antaranya ialah :
 - 4.1 Hospital di tepi Al-Masjid An-Nabawi pada zaman Rasulullah (Saw.)²⁸
 - 4.2 Hospital As-Shulthan Ahmand bin Sulun sebagai awal-awal hospital di Mesir (259 H/872 M).
 - 4.3 Hospital ' Adhhdhiy di Baghdad (366 H/976 M).
 - 4.4 Hospital An-Nuuriy di Damaskus / Syiria (549 H/1154 M).
 - 4.5 Hospital Ash-Sholahi (Shalahuddin Al-Ayyubi di Qudsi (583 H/1187 M).
 - 4.6 Hospital As-Sekh Jasim bin Muhammad bin Sani Al-Quthri di Fatoni (1434 H/2012 M).
- 5) Rumah anak yatim dan fakir miskin, di antaranya ialah :
 - 5.1 Daarul aitam tanzhiyah di Qudsi (729 H/1328 M)
 - 5.2 Madrassatul Aitam al-Islamiyah di Qudsi (1356 H/1937 M)
 - 5.3 Al-Jam'iyah al-Khairiyah li ri'ayah al-Aitam, Selatan Thai.

Hakikat Wakaf dan Kehebatan Al-Islam

Wakaf ialah mengawalkan asal harta benda supaya tetap secara penyuburan dan pembangunan yang mendatangkan hasil untuk tersebar manfaat darinya secara berkekalan dan berterusan kerana Allah.

Masya Allah ! - Alangkah sempurnanya syariat Allah!

- Alangkah majunya sunah Rasul Saw.!

²⁷ Ali Imron, 3 : 92

²⁸ Muhammad Husain 'Ali, Tarikhul Al-Arab h.104. Dr.Akrimah Saied Shobri, Al-Waqfu Al-Islami baina Al-Nazoriah Wa Al-Tatbik h. 480

- Alangkah beruntungnya harta benda umat Islam, di dunianya maju dan mulia, akhiratnya selamat dan bahagia!
- Alangkah teguhnya teras (*ummah wahidah*) yang selaku “*ummah wasathan*”!
- Alangkah cemerlangnya kegiatan *khairu ummah* yang dikeluarkan untuk masalahat manusia.
- Alangkah hebatnya peranan Islam selaku rahmat kepada alam semesta.

Khatam / Saranan

Demikianlah hakikat wakaf menurut syariat Islam.

Sebagai khatam perbincangan mengenai wakaf; ingin saya kemukakan beberapa ringkasan dan saranan, di antaranya:

- 1) Wakaf adalah syariat Allah dan sunah Rasulullah (Saw) yang sangat mulia. Maka, seiya bagi umat Islam mempelajarinya dengan baik, kerana ia adalah sebaik-baik harta sedekah dan sebanyak-banyak manfaat pada harta benda hamba, sama ada di duni mahupun di akhirat.
- 2) Digalakkan setiap Muslim/Muslimah supaya masing-masing berlomba mengadakan wakaf, sama ada dalam bentuk *iqor* عقر yang tetap seperti kebun dan telaga mahupun bentuk perkara yang boleh dipindah, seperti kenderaan, *mushaf* مصحف dan buku-buku. Sekurang-kurangnya berusaha mengangkat syiar “**satu keluarga satu wakaf**” walaupun sekadar saham yang sedikit.
- 3) Diseru para guru, para dai, para imam, khotib dan bilal supaya masing-masing berusaha menerangkan hakikat wakaf kepada masyarakat serta menggalakkan supaya masyarakat bersungguh-sungguh dalam memberi saham terhadap rancangan wakaf sama ada wakaf ahli mahupun wakaf khairi atau wakaf *musytaraq* مشترك.
- 4) Diseru semua kerajaan, terutama kerajaan Islam supaya mengadakan yayasan wakaf di samping perundangan negara yang mengawali harta wakaf, serta berusaha mengeluarkan sebahagian daripada harta negara sebagai wakaf *irshad* إرصاد untuk rancangan pembangunan di sudut ibadah, pendidikan dan kemasyarakatan, agar lahirnya kenyataan tercatat, yakni negara yang baik hasilnya dan Tuhan Yang Maha Pengampun.
- 5) Diseru sekalian *naszhir* ناظر wakaf sama ada peribadi, yayasan atau negara supaya benar-benar menjaga harta wakaf dengan penuh amanah, serta memajukan hasil wakaf itu agar terlaksana padanya hakikat wakaf dan tujuannya yang baik dan berkah selaku teras (*ummah wahidah*) «أمة واحدة».

Sekian, mudah-mudahan sekalian kita percaya menjadi seorang hamba yang mewakafkan harta benda yang disayangi itu yang tetap bersama-sama kita dalam memberi manfaat dan pahala semasa hidup dan setelah mati. آمين يا رب العالمين.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَأَفْوِضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بَصِيرٌ بِالْعِبَادِ. صَلَّى اللَّهُ عَلَيَّ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ. سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

